




SKIM PENGGALAK KECEMERLANGAN SUKAN



**SKIM PENGALAK
KECEMERLANGAN
SUKAN**

Diterbitkan oleh:
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Negara Brunei Darussalam.

Cetakan Pertama 1991
Cetakan Kedua 1996

© Hakcipta Kementerian Kebudayaan
Belia dan Sukan

KANDUNGAN

TAJUK PERENGGAN	MUKA SURAT
1. PENDAHULUAN	1
2. LATAR BELAKANG	1 - 2
3. RASIONAL	2 - 3
4. TUJUAN	3
5. KUMPULAN SASARAN	3 - 6
6. PENGGALAKAN	7
7. PENGGALAKAN KEPADA SEKATOR "SUKAN UNTUK MASYARAKAT"	7
8. PENGGALAKAN UNTUK ATLIT ELIT	7 - 12
9. PENGGALAKAN KEPADA ATLIT AM	12 - 15
10. PENGGALAKAN KEPADA JURULATIH SAMPINGAN	15
11. PENGGALAKAN KEPADA PEMIMPIN DAN LAIN-LAIN	16
12. GANJARAN KEMENANGAN	16 - 20
13. ANUGERAH SUKAN NEGARA	20 - 23
14. PENGGALAKAN UNTUK SUKAN ORANG-ORANG CACAT	23
15. PANGGALAKAN LAIN	24 - 25
16. JAWATANKUASA SKIM PENGGALAK KECEMERLANGAN SUKAN (SPKS)	25 - 26

SKIM PENGGALAK KECEMERLANGAN SUKAN

1. PENDAHULUAN

- 1.1 Skim Penggalak Kecemerlangan Sukan (SPKS) mengandungi cadangan-cadangan dan isi-isi dasar yang terkandung dalam skim yang telah diperkenankan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada tahun 1987 dan cadangan-cadangan baru untuk memperkukuhkan lagi skim asal itu supaya lebih memberi makna dan keberkesanan kepada program-program pembangunan sukan yang dirancang dan diungkayahkan melalui dua sektor aktiviti, iaitu 'Sukan Untuk Masyarakat'⁽¹⁾ dan 'Sukan Prestasi Tinggi'⁽²⁾.
- 1.2 Antara cadangan-cadangan yang baharu ialah elaun latihan kepada atlit yang mencapai kecemerlangan dan mempunyai potensi di pertandingan peringkat antarabangsa, penggalakan kepada pemimpin, pegawai dan jurulatih, penggalakan untuk orang-orang cacat, dan biasiswa. Penggalakan yang sewajarnya akan diberi kepada sektor "Sukan Untuk Masyarakat" sejajar dengan dasar sukan negara yang memberi penekanan kepada sektor ini.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Sukan dan rekreasi telah sekian lama berlaku di kalangan rakyat dan penduduk negara ini secara spontan dan sukarela melalui individu kumpulan, persatuan/kelab. Penubuhan Persatuan yang mengawal dan mengaturkan pertandingan antarabangsa bermula dalam tahun lima puluhan dan pada hari ini, persatuan seperti ini berjumlah kira-kira 32 buah. Dalam pada itu terdapat antara 100-200 buah persatuan/kelab belia dan sukan yang menjalankan aktiviti sukan. Pada keseluruhannya, perkara-perkara kepimpinan, pengurusan dan sumber kewangan amatlah lemah dan memerlukan tindakan yang positif dan segera untuk memperbaiki keadaan ini demi kemajuan sukan.
- 2.2 Penglibatan Kerajaan secara rasmi bermula dengan penubuhan Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan pada tahun 1974 untuk menggalak dan memajukan sukan sebagai satu usaha "... membentuk masyarakat yang kukuh dan bersatu padu, kukuh bukan sahaja dari tubuh badan ahli-ahli masyarakat itu tetapi juga dari pendirian dan semangat mereka..."⁽³⁾ kepimpinan Kerajaan dipertingkatkan lagi apabila pada tahun 1984 ditubuhkan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

⁽¹⁾ "Sukan Untuk Masyarakat" ringkasnya (SUM) merujuk kepada aktiviti rekreasi fizikal dan sukan yang berlaku secara spontan atau diuruskan dengan tujuan menggalakkan penyertaan yang lebih luas dan bukan semata-mata untuk pertandingan.

⁽²⁾ "Sukan Prestasi Tinggi" ringkasnya (SPT) merujuk kepada sukan pertandingan yang diuruskan mengikut peraturan-peraturan dan syarat-syarat persekutuan sukan antarabangsa dan Jawatankuasa Olimpik Kebangsaan atau Persatuan Sukan Kebangsaan bagi menentukan.

⁽³⁾ Seperti Surat Keliling Pejabat Setiausaha Kerajaan bilangan 26/1974.

- 2.3 Pada tahun 1975 Majlis Sukan Brunei telah ditubuhkan untuk memimpin dan menyelaraskan Persatuan-persatuan Sukan Kebangsaan. Majlis ini, bagaimanapun, telah dibubarkan pada hujung tahun 1987 dan Majlis Olimpik Kebangsaan yang ditubuhkan pada tahun 1984 telah mengambil alih peranan majlis dan menjadi anggota beberapa Pertubuhan Sukan Antarabangsa, mewakili Negara Brunei Darussalam. Antaranya, International Olympic Committee (IOC), Commonwealth Games Federation, Islamic Solidarity Sports Federation, Olympic Council of Asia dan South East Asian Games Federation.
- 2.4 Perkembangan sukan dan rekreasi pada keseluruhannya, semakin pesat, walaupun kemajuannya, jika dibandingkan dengan negara-negara rantau ini, usaha-usaha dan kemudahan dan rancangan-rancangan untuk memperbaiki keadaan.
- 2.5 Di sektor SUM, penyertaan dan penglibatan yang aktif dan meluas di kalangan masyarakat perlu digalakkan dengan bersungguh-sungguh melalui program yang menyeluruh untuk memberi kesan yang bermakna kepada kemajuan sukan dan membina asas yang kukuh ke arah mencapai kecemerlangan seterusnya. "Persatuan-persatuan Sukan Kebangsaan" kurang memberi perhatian kepada sektor ini, jika dibandingkan dengan sektor "SPT".
- 2.6 Di sektor SPT, kemajuan dan mutu pencapaian di pertandingan peringkat antarabangsa masih belum memuaskan. Bilangan sukan yang mempunyai prestasi yang setanding jua masih terhad. Walau bagaimanapun terdapat beberapa jenis sukan, seperti Lumba Perahu, Silat Olahraga, Karate-Do dan Sepak Takraw mempunyai potensi yang menggalakkan.

3. RASIONAL

- 3.1 Adalah disedari bahawa pembangunan sukan terutama pada peringkat permulaan memerlukan penglibatan dan bantuan Kerajaan untuk tujuan 'Membangun Masyarakat Yang Berdikari' Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah pun melaksanakan berbagai-bagai program sukan dan rekreasi, termasuk membina kemudahan-kemudahan sukan.
- 3.2 Pelaksanaan program dan aktiviti sukan dan rekreasi di sektor 'Sukan Untuk Masyarakat' juga perlu diberi beberapa penggalakan, terutama di peringkat permulaan.
- 3.3 Bagi sektor 'Sukan Prestasi Tinggi', lebih-lebih lagi, penggalakan amatlah perlu dan mendesak untuk mencapai segala tujuannya dengan berkesan dan untuk memberi peluang dan membantu atlit-atlit mempertingkatkan kemahiran dan pencapaian kepada tahap yang mempunyai potensi dan seterusnya mencapai kecemerlangan di pertandingan-pertandingan di berbagai-bagai peringkat antarabangsa. Dalam keadaan perkembangan sukan dan tahap persaingan di peringkat antarabangsa pada hari ini adalah amat sukar sekali bagi seseorang atlit mencapai mercu kejayaan. Hanya melalui ketabahan dan ketekunan sendiri dan pengorbanan wang ringgit, bahawa seseorang atlit itu dapat mencapai cita-citanya. Apatah lagi pada masa ini sukan belum lagi menjadi satu 'profession' dalam masyarakat kita.

- 3.4 Sehubungan dengan ini, adalah diakui bahawa kejayaan seseorang atlit dan pasukan-pasukan sukan adalah juga hasil dedikasi dan pengorbanan jurulatih, pegawai dan pemimpin persatuan sukan. Tidak juga ketinggalan galakan daripada keluarga atlit-atlit.
- 3.5 Di kalangan persekolahan, murid-murid juga mengorbankan tenaga dan masa untuk mencapai kecemerlangan sukan di peringkat masing-masing. Penggalakan kepada mereka yang sewajarnya tidak kurang penting dan ini akan menggalakkan ibu bapa dan masyarakat umum menyokong penglibatan yang lebih aktif oleh persekolahan dalam sukan vis-a-vis akademik.

4. TUJUAN

Tujuan Skim Penggalak Kecemerlangan Sukan bolehlah dirumuskan seperti berikut: –

- 4.1 Untuk menyokong dan memberi kesan ke arah mencapai tujuan-tujuan sebuah negara, antaranya, membentuk sebuah masyarakat yang berdisiplin dan BERDIKARI;
- 4.2 Untuk menggalak dan meluas penyertaan yang aktif dalam sukan dan rekreasi di kalangan masyarakat dan mewujudkan peluang-peluang bagi mereka mencapai kemajuan;
- 4.3 Untuk mewujudkan peluang-peluang dan penggalak kepada atlit-atlit yang berbakat dan berpotensi untuk mempertingkatkan latihan ke arah mencapai kemahiran dan tahap pencapaian yang lebih cemerlang di berbagai-bagai peringkat pertandingan;
- 4.4 Untuk menggalakkan jurulatih, pegawai dan pemimpin sukan mempertingkatkan penglibatan sukarelaan mereka dan usaha mereka dan arah pencapaian tahap yang secemerlangannya; dan
- 4.5 Untuk menghargai jasa, pengorbanan dan sumbangan masyarakat sukan kepada bangsa dan negara.

5. KUMPULAN SASARAN

- 5.1 Dasar Sukan Negara menetapkan bahawa pembangunan sukan dan rekreasi hendaklah merupakan satu kesinambungan (continuum) yang dirancang dan dilaksanakan secara bersepadu (intergrated) dan mempunyai penyelarasan (co-ordinated). Kesinambungan ini boleh dibahagikan kepada 4 kumpulan (lihat rajah B). Masing-masing mempunyai pelbagai agensi perancangan dan pelaksanaan baik dari Sektor Kerajaan, mahu pun Sektor Swasta (Persatuan Sukan Kebangsaan). Dasar sukan negara juga menetapkan pelaksanaan program hendaklah berupa 'persyarikatan' dengan pembahagian tugas dan tanggungjawab yang jelas antara agensi berkenaan. Sebahagian besar kejayaan sukan negara adalah bergantung kepada faktor-faktor di atas. Begitulah juga dengan keberkesanan Skim Penggalak Kecemerlangan Sukan ini.

**PENCAPAIAN KONTINGEN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DI SUKAN SEA
(1977 - 1989)**

	PINGAT	LUMBA PERAHU XX	KARATE-DO	MENEMBAK	OLAHRAGA	SILAT OLAHRAGA XX	TAEKWONDO	TINJU	JUMLAH PINGAT
1977	EMAS				0			0	3
	PERAK				0			0	
	GANGSA				1 x			2	
1979	EMAS							0	1
	PERAK							1	
	GANGSA							0	
1981	EMAS								0
	PERAK								
	GANGSA								
1983	EMAS							0	5
	PERAK							0	
	GANGSA							5	
1985	EMAS							0	3
	PERAK							0	
	GANGSA							3	
1987	EMAS	0	0	0	-	1	-	0	24
	PERAK	1	2	0	-	3	-	0	
	GANGSA	3	4	0	-	4	-	6	
1989	EMAS	0	0	1	-	0	0	0	25
	PERAK	0	1	0	-	1	0	0	
	GANGSA	3	4	0	-	7	6	2	

RAJAH A

x LOMPAT KIJANG

xx BERMULA 1987

5.2 Sasaran skim ini mengandungi empat kumpulan program, sama seperti yang ditunjukkan dalam rajah "B", merangkumi kedua-dua sektor 'Sukan Untuk Masyarakat' dan 'Sukan Prestasi Tinggi'. Dalam pada itu kumpulan sasaran ini bolehlah dibahagikan secara kasar mengikut agensi pelaksanaan sesuatu kumpulan program, iaitu program peringkat 'C', 'Bakat' yang biasanya di kalangan umur persekolahan dilaksanakan melalui Kementerian Pendidikan, manakala kumpulan program lain, (A), (B) dan (D) diselaraskan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan penglibatan Persatuan-persatuan Sukan Kebangsaan.

5.3 Kumpulan sasaran juga termasuk jurulatih/pegawai Persatuan Sukan Kebangsaan, memandangkan peranan mereka mempertingkatkan kecemerlangan atlit individu dan atlit pasukan.

5.4 Kumpulan Elit (A).

Kumpulan ini terdiri daripada atlit yang mempunyai mutu/kemahiran yang tinggi dan potensi yang berkemampuan untuk mencapai tahap yang cemerlang di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Jumlah kumpulan sasaran bergantung kepada jenis-jenis sukan yang diberi keutamaan (dijangka, sebagai permulaan tidak melebihi 10 jenis sukan).

Rancangan untuk atlit bagi kumpulan ini merupakan kemuncak (apex) pembangunan sukan negara, iaitu daripada kumpulan bakat, meningkat kepada kumpulan pelapis dan seterusnya ke kumpulan elit (Lihat Rajah "B").

Menjelang Sukan SEA 1993 bilangan yang terpilih dianggarkan di antara 100-200 orang atlit. Manakala kumpulan sasaran di antara 400-500.

5.5 Kumpulan Pelapis (Juniors) (B).

Ini merupakan kumpulan yang dirancang serta dimatlamatkan untuk diserapkan/mengambil tempat masing-masing di kumpulan elit. Mereka pada prinsipnya dipilih daripada kumpulan bakat yang membuktikan prestasi yang tinggi di kejohanan-kejohanan peringkat pelapis/kumpulan umur antarabangsa. Jumlah untuk pendedahan/penyertaan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa di anggar antara 100 orang atlit. Kumpulan sasaran di antara 500-600.


5.6 Kumpulan Bakat (C).

Kumpulan sasaran ini hampir kesemuanya daripada sekolah. Selain daripada itu adalah daripada kelab/persatuan sukan melalui rancangan tertentu. Jumlah yang terpilih dalam kumpulan ini bergantung kepada jumlah sukan yang dirancang. Kumpulan sasaran dianggarkan antara 200-300. Kementerian Pendidikan mempunyai rancangan jangka pendek untuk 4 jenis sukan, iaitu bolasepak, sepak takraw, badminton dan olahraga melibatkan kira-kira 170 orang untuk tempoh 1989-1990. Kira-kira 40-50 atlit akan mewakili negara di peringkat sekolah-sekolah ASEAN.

5.7 Sukan Untuk Masyarakat (D).

Strategi bagi kumpulan ini ialah memperluaskan/mempertingkatkan penyertaan yang aktif di kalangan masyarakat melalui rancangan yang disediakan oleh persatuan/kelab dan sebagainya dan individu. Oleh itu kumpulan sasaran amat luas sekali pada dasarnya daripada kanak-kanak hingga orang tua. Mengikut anggaran umur antara 10 tahun hingga 69 tahun jumlah sasaran, termasuk mereka di bawah sektor 'Sukan Prestasi Tinggi', kumpulan sasaran berjumlah 176,000 orang.

RAJAH 'B'



KUMPULAN SASARAN SPKS

6. PENGGALAKAN

6.1 Penggalakan di bawah skim ini berupa bantuan kewangan dan kemudahan lain untuk latihan yang berperancangan, pendedahan melalui pertandingan, kursus latihan, imbuhan kerana hilang pendapatan ganjaran kemenangan, cuti tanpa catat, biasiswa/dermasiswa, perlindungan insurans, cukai ke atas peralatan sukan, anugerah sukan negara dan lain-lain yang dihuraikan di bawah tajuk-tajuk: –

- 6.1.1 Sektor 'Sukan Untuk Masyarakat';
- 6.1.2 Kumpulan atlit elit dan yang berpotensi;
- 6.1.3 Atlit-atlit am;
- 6.1.4 Jurulatih sampingan;
- 6.1.5 Pemimpin/pegawai Persatuan Sukan Kebangsaan;
- 6.1.6 Ganjaran kemenangan;
- 6.1.7 Kumpulan orang-orang cacat; dan
- 6.1.8 Penggalakan lain.

7. PENGGALAKAN KEPADA SEKTOR "SUKAN UNTUK MASYARAKAT"

7.1 Penggalakan akan diwujudkan untuk mencemerlangkan program sukan yang termasuk di bawah sektor di atas, memandangkan sektor ini menjadi asas untuk pembangunan dan perkembangan sukan ke arah prestasi tinggi. Penggalakan ialah dalam bentuk bantuan kewangan untuk mengadakan temasya atau 'pertandingan' bagi program yang bertaraf kebangsaan anjuran Persatuan Sukan dan Persatuan Belia Kebangsaan yang dikeluarkan atas asas 'sumbangan yang sama banyak' atau 'matching-grant'. Syarat dan peraturan lain akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Skim Penggalak Kecemerlangan Sukan (SPKS).

8. PENGGALAKAN UNTUK ATLIT ELIT DAN YANG BERPOTENSI

8.1 Bantuan ini bertujuan untuk membantu atlit mencapai satu-satu tahap kejayaan dan mempunyai potensi mempertingkatkan lagi pencapaian untuk menjalani latihan secara bersungguh-sungguh supaya dapat mengekalkan atau mencapai prestasi yang lebih cemerlang di pertandingan-pertandingan antarabangsa. Atlit-atlit dibahagikan kepada 3 kumpulan, iaitu A, B dan C iaitu: –

8.1.1 Kumpulan A

Atlit elit di peringkat dunia dan Asia yang dapat mengekalkan pencapaian yang cemerlang di pertandingan antarabangsa yang rasmi: –

Peringkat Dunia Memenangi

Sukan Individu : Tempat 1-15
Sukan Berpasukan : Tempat 1-4

Peringkat Asia & Komanwel Memenangi

Sukan Individu : Tempat 1-10
Sukan Berpasukan : Tempat 1-6
(Pertandingan rasmi, tidak kurang daripada 8 pasukan kebangsaan).

8.1.2 Kumpulan B

Atlit elit peringkat Asia dan Asia Tenggara dan atlit pelapis (junior) yang mencapai prestasi tinggi di pertandingan rasmi: –

Peringkat Asia Memenangi

Sukan Individu : Tempat 7-8
Sukan Berpasukan : Tempat 5-6
(Pertandingan rasmi, tidak kurang daripada 8 pasukan kebangsaan).

Peringkat Asia Tenggara Memenangi

Sukan Individu : Tempat 1-3
Sukan Berpasukan : Tempat 1-3

8.13 Kumpulan C

Atlit, termasuk atlit remaja (junior) dan pasukan yang mewakili negara yang mempunyai potensi untuk memasuki Kumpulan A atau B yang akan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Skim Penggalak Kecemerlangan Sukan (SPKS) selepas dicadangkan atau selepas berunding dengan Persatuan Sukan Kebangsaan yang berkenaan. Asas pertimbangan adalah berdasarkan kepada pencapaian yang sewajarnya diperolehi oleh atlit/pasukan yang berkenaan.

- 8.1.4 Pencapaian di pertandingan antarabangsa bagi jenis sukan individu yang tidak mempunyai saringan/pusingan awal akan dibandingkan dengan pencapaian semasa dalam acara berkenaan untuk mendapatkan atlit berkenaan sama ada di kumpulan A, B atau C.

8.2 Tempoh Bantuan – Penilaian Kelayakan

Bantuan latihan adalah untuk memberi kemudahan kepada atlit supaya mencapai prestasi yang cemerlang melalui rancangan latihan jangka panjang. Dengan ini atlit dan Persatuan Sukan Kebangsaan dengan sendirinya memikul tanggungjawab terhadap rancangan latihan yang disediakan.

8.2.1 Kumpulan A

Sukan Individu dan Berpasukan.

- Selama dua tahun berdasarkan kepada rancangan latihan dan penyertaan pertandingan yang diluluskan oleh Persatuan Sukan Kebangsaan berkenaan dan Jawatankuasa Skim Penggalak Kecemerlangan Sukan (SPKS).

8.2.2 Kumpulan B

Sukan Individu dan Berpasukan.

- Selama satu tahun berdasarkan kepada rancangan latihan dan penyertaan dalam pertandingan yang diluluskan oleh Persatuan Sukan Kebangsaan berkenaan dan Jawatankuasa Skim Penggalak Kecemerlangan Sukan (SPKS).
- Sepanjang masa atau pada tiap-tiap tiga bulan dalam tempoh satu tahun ini maka prestasi atlit/pasukan berkenaan akan dinilai. Jawatankuasa Skim Penggalak Kecemerlangan Sukan akan menimbang sama ada untuk dinaikkan taraf ke kumpulan A atau diturunkan ke Kumpulan C atau diberhentikan.

8.2.3 Kumpulan C

Sukan Individu dan Berpasukan.

- Selama satu tahun, berdasarkan kepada rancangan yang disediakan bersama oleh Persatuan Sukan Kebangsaan dan Jawatankuasa Skim Penggalak Kecemerlangan Sukan. Penilaian sentiasa dibuat oleh Jawatankuasa Skim Penggalak Kecemerlangan Sukan untuk menilai kemajuan.

8.3 Bantuan Kewangan

8.3.1 Bantuan kewangan dikeluarkan untuk perbelanjaan latihan termasuk bantuan makanan (supplementary nutrition), alatan sukan, dan tambang menambang, seperti berikut: -

8.3.1:1 Kumpulan A:

Sukan Individu	:	\$1500.00	sebulan.	
Sukan Berpasukan	:	a) 1 hingga 5 orang	- \$200.00	sebulan seorang.
		b) 6 orang dan ke atas	- \$150.00	sebulan seorang.

8.3.1:2 Kumpulan B:

Sukan Individu	:	\$1250.00	sebulan.	
Sukan Berpasukan	:	a) 1 hingga 5 orang	- \$150.00	sebulan seorang.
		b) 6 orang dan ke atas	- \$100.00	sebulan seorang.

8.3.1:3 **Kumpulan C:**

Sukan Individu : \$1000.00 sebulan.

Sukan Berpasukan : a) 1 hingga 5 orang – \$500.00
sebulan seorang.

b) 6 orang dan ke atas – \$200.00
sebulan seorang.

NOTA: –

Bilangan dalam sukan berpasukan adalah seperti peraturan penyertaan bagi pertandingan yang berkenaan.

8.3.2 Bantuan membeli alatan sukan akan dikeluarkan kepada atlit di dalam kumpulan A, B dan C iaitu sebanyak \$600.00 setahun.

Pembayaran hendaklah mempunyai resit dan di sokong oleh Persatuan Sukan Kebangsaan yang berkenaan.

8.3.3 Bantuan kebajikan dikeluarkan atas kadar yang berpatutan dan mengikut keadaan yang munasabah. Ia dikeluarkan bertujuan semata-mata untuk mengurangkan bebanan/masalah yang mungkin menjejaskan latihan, seperti kecederaan, tuition biasiswa/dermasiswa dan sebagainya.

8.3.4 **Cuti**

Kemudahan cuti, cuti tanpa catat dan kelonggaran waktu bekerja untuk latihan pusat, di luar negeri dan penyertaan di kejohanan kebangsaan dan antarabangsa akan diwujudkan untuk atlit elit melalui peraturan untuk atlit am di perenggan 9.1 di bawah.

8.4 **Peraturan-Peraturan**

8.4.1 **Permohonan**

8.4.1:1 Segala permohonan untuk mendapatkan bantuan kewangan di bawah Skim Penggalak ini hendaklah menggunakan borang rasmi.

8.4.1:2 Adalah menjadi tanggungjawab bersama atlit dan Persatuan Sukan Kebangsaan untuk mengemukakan permohonan berkenaan sebaik-baik sahaja seorang atlit itu layak tetapi tidak lewat daripada 30 hari selepas tamat/pulang dari pertandingan.

8.4.1:3 Dalam keadaan tertentu sahaja apabila Sekretariat telah mengeluarkan notis kepada persatuan dalam tempoh sebulan dari tarikh kenyataan dikeluarkan maka Jawatankuasa boleh mempertimbangkan permohonan yang dibuat secara terus oleh atlit dan Jawatankuasa juga boleh memberi terus kepada atlit yang difikirkan layak.

8.4.2 **Pembayaran**

8.4.2:1 Pembayaran akan dibuat pada tiap-tiap bulan terus kepada atlit bagi Sukan Individu dan kepada Persatuan Sukan Kebangsaan bagi Sukan Berpasukan.

Adalah menjadi tanggungjawab Persatuan Sukan Kebangsaan (Setiausaha Kehormat/Bendahari Kehormat yang diberi kuasa oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Persatuan) untuk membuat pembayaran bantuan kepada atlit berkenaan. Pembayaran yang dibuat terus oleh Sekretariat Skim Penggalak Kecemerlangan Sukan hendaklah dalam makluman Persatuan Sukan Kebangsaan supaya memudahkan kerja penyeliaan dan penilaian.

8.4.2:2 Bayaran bantuan tuition akan dibuat terus kepada sekolah atau institusi selepas pengesahan oleh atlit berkenaan.

8.4.3 **Pembatalan Bantuan**

Bantuan akan dibatalkan atau ditarik balik jika didapati seorang atlit yang menerima bantuan melalui skim ini melakukan salah satu daripada perkara berikut: –

8.4.3:1 Melanggar peraturan atau syarat perjanjian.

8.4.3:2 Didapati memberi kenyataan palsu dengan tujuan hendak mendapatkan bantuan semata-mata.

8.4.3:3 Gagal menunjukkan kemajuan. Prestasinya menurun.

8.4.3:4 Gagal menyampaikan secara bertulis laporan kemajuan..

8.4.3:5 Menarik diri dengan sukarela.

Pembatalan atau menarik balik bantuan akan dimaklumkan melalui Persatuan Sukan Kebangsaan berkenaan. Bagi atlit yang ingin menarik diri permohonan hendaklah dibuat melalui Persatuan Sukan Kebangsaan.

8.4.4 **Perjanjian**

Atlit yang terpilih di bawah berbagai kumpulan yang menerima bantuan kewangan dan lain-lain dimestikan menandatangani surat perjanjian dengan Jawatankuasa Skim Penggalak Kecemerlangan Sukan atau wakilnya bahawa atlit berkenaan atau untuk pasukan, Persatuan Sukan Kebangsaan akan mematuhi syarat-syarat bantuan.

8.4.5 **Pentadbiran**

Bantuan latihan untuk atlit elit dan pasukan ini ditadbirkan oleh Jawatankuasa Skim Penggalak Kecemerlangan Sukan melalui sebuah Sekretariat yang diarahkan oleh Jawatankuasa Skim Penggalak Kecemerlangan Sukan.

8.4.6 Jurulatih

Adalah menjadi tanggungjawab Persatuan Sukan Kebangsaan untuk melantik jurulatih yang berkelayakan bagi melatih sepanjang masa atlit yang mendapat bantuan kewangan latihan ini.

Bantuan, galakan dan sebagainya untuk jurulatih akan disebutkan dalam perenggan 9 di bawah. Atlit/pasukan yang tidak mempunyai jurulatih yang dikhaskan tetap dalam tempoh skim berjalan dengan sendirinya terkeluar daripada skim ini.

9. PENGGALAKAN KEPADA ATLIT AM

Skim Penggalak Kecemerlangan Sukan memberi galakan kepada atlit dalam bentuk kemudahan seperti cuti tanpa catat, elaun latihan bagi latihan pusat untuk menghadapi sesuatu kejohanan, latihan di luar negeri dan elaun menyertai kejohanan dalam dan luar negeri.

9.1 Cuti Tanpa Catat

- 9.1.1 Cuti tanpa catat tidak melebihi 21 hari setahun akan diberikan atlit elit dalam ketiga-tiga kumpulan dan atlit lain yang memerlukan latihan pusat sebelum menyertai pertandingan yang dianjurkan/diluluskan oleh Persatuan Sukan Antarabangsa yang mana Negara Brunei Darussalam menjadi ahli anggota. Jika latihan pusat itu melebihi 21 hari pihak yang bertanggungjawab hendaklah membuat permohonan kepada Jabatan Belia dan Sukan untuk mendapatkan bagi peserta-peserta yang terlibat.
- 9.1.2 Jika atlit dan atlit lain yang menyertai pertandingan seperti yang disebutkan dalam perenggan 9.1.1 memerlukan latihan di luar negeri, cuti tanpa catat boleh dipertimbangkan mengikut jumlah hari pertandingan itu diadakan tetapi tidak melebihi 15 hari setahun yang mana hari-hari selebihnya hendaklah ditanggung oleh atlit-atlit berkenaan dengan mengambil cuti tahunannya.
- 9.1.3 Atlit elit dan atlit lain yang menyertai dalam kejohanan sukan yang dianjurkan oleh Persatuan Sukan seperti yang disebutkan dalam perenggan 9.1.1 dan Persatuan Sukan Kebangsaan yang diresmikan oleh pihak Kerajaan akan juga dipertimbangkan untuk mendapatkan kelonggaran masa bekerja dengan syarat Persatuan Sukan Kebangsaan berkenaan hendaklah terlebih dahulu menghadapkan permohonan tidak kurang 30 hari sebelum tarikh kejohanan diadakan dengan menyatakan nama dan alamat majikannya. Pihak Kerajaan akan menguruskan dengan majikan berkenaan.
- 9.1.4 Atlit elit dan atlit lain yang menyertai pertandingan sukan anjuran Persatuan Sukan seperti yang disebutkan dalam perenggan 9.1.1 dan Persatuan Sukan Kebangsaan di luar negeri yang telah diluluskan oleh pihak Kerajaan adalah dianggap sebagai menjalankan tugas kerana negara dan layak untuk dipertimbangkan bagi mendapatkan cuti tanpa catat tidak melebihi 30 hari

SENARAI CUTI KHAS TANPA CATAT

MAKSUD	FEDERATION GAMES (KATEGORI (A))	LAIN-LAIN KEJOHANAN (KATEGORI (B))
i) Penyertaan	15 hari untuk satu kejohanan, tidak termasuk perjalanan (jika tempoh kejohanan kurang daripada 15 hari dan atas sebab-sebab kepentingan perkhidmatan, atlit/pegawai perlu balik bertugas).	20 hari setahun (untuk bola sepak 26 hingga 40 hari).
ii) Latihan Pusat	21 hari setahun (jika tidak mencukupi kelonggaran bekerja boleh dipertimbangkan oleh jabatan berkenaan berkenaan atas permohonan KKBS).	Kelonggaran bekerja sahaja, yang diluluskan oleh jabatan berkenaan atas permintaan persatuan dengan sokongan Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan.
iii) Latihan Luar Negeri	Separuh daripada tempoh kejohanan (jika melebihi, atlit/pegawai mengambil cutinya sendiri).	Seperti di atas.
a) Untuk menguji pencapaian		
b) Untuk menyesuaikan diri dengan iklim.		

setahun, termasuk masa pelayaran pergi dan balik. Jika ada pertandingan yang melibatkan atlit terpaksa bermain untuk negara melebihi dari had 30 hari disebabkan oleh sistem pertandingan, atau bermain dalam beberapa pertandingan yang bersaringan, Persatuan Sukan Kebangsaan berkenaan hendaklah menghadapkan rayuan kepada Pengarah Kebajikan, Belia dan Sukan untuk dipertimbangkan.

9.1.5 Walau bagaimanapun, kemudahan tersebut di atas, adalah tertakluk kepada keadaan-keadaan berikut: –

9.1.5:1 Jika terdapat majikan yang hanya berkeupayaan melepaskan pekerja-pekerja mereka dalam tempoh yang terhad, maka pegawai dan atlit berkenaan adalah dikehendaki balik ke tanah air sejurus sahaja mereka selesai dalam acara sukan yang mereka sertai. Tempoh ini bolehlah ditentukan lebih awal lagi oleh jawatankuasa-jawatankuasa berkenaan.

9.2 Galakan Kewangan/Kemudahan Lain

Bantuan kewangan dan kemudahan lain untuk atlit seperti di bawah untuk menjalani latihan/kursus/seminar dan menyertai pertandingan/kejohanan di luar negeri akan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Penggalak Kecemerlangan Sukan mengikut tiap permohonan tertentu tertakluk kepada keperluan serta kemampuan kewangan dan kemudahan yang disediakan oleh penganjur (tuan rumah): –

9.2.1 Tambang kelas ekonomi

9.2.2 Pengangkutan untuk latihan

9.2.3 Tempat tinggal yang bersesuaian

9.2.4 Elaun 'winter clothing' tidak melebihi \$500.00 (temperate countries during winter only). Elaun ini akan diberi sekali dalam 4 tahun.

9.2.5 Elaun sarahidup mengikut kawasan Asia, \$50.00 sehari, Eropah, Amerika Syarikat, Australia \$80.00 sehari.

9.2.6 Perbelanjaan seperti yuran kursus, latihan, sewa peralatan, bayaran pendaftaran dan sebagainya.

9.3 Syarat-syarat

Segala bentuk galakan dan kemudahan untuk latihan pusat, latihan di luar negeri dan penyertaan di dalam dan di luar negeri adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut: –

9.3.1 Penyertaan bagi pertandingan yang disebutkan dalam perenggan 9.1.1 dan yang dianjurkan oleh Persatuan Sukan Kebangsaan di atas hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kelulusan Sekretariat Skim Penggalak Kecemerlangan Sukan/Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan.

- 9.3.2 Latihan, pertandingan dan tempoh latihan dan pertandingan diluluskan atau ditetapkan oleh Sekretariat Skim Penggalak Kecemerlangan Sukan atau Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan.
- 9.3.3 Dalam tempoh mendapatkan galakan/kemudahan atlit hendaklah memenuhi peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan peraturan Persatuan Sukan Antarabangsa, Persatuan Sukan Kebangsaan termasuk Majlis Olimpik Kebangsaan.
- 9.3.4 Atlit hendaklah sentiasa berdisiplin dan menjauhkan perbuatan yang boleh mencemarkan nama baik negara. Mereka hendaklah mengisi borang khas dan memenuhi syarat-syarat menjadi ahli kontinjen/atau mewakili negara sebelum mengambil bahagian di dalam dan di luar negeri.
- 9.3.5 Bersetuju mematuhi syarat-syarat dan peraturan yang dikeluarkan dari masa ke semasa oleh Jawatankuasa Skim Penggalak Kecemerlangan Sukan atau Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan.

10. PENGGALAKAN KEPADA JURULATIH SAMPINGAN

- 10.1 Jurulatih tempatan yang telah dipilih bertugas secara sampingan akan diberikan elaun sebanyak antara \$350.00-\$600.00 sebulan dan pembantu jurulatih sebanyak \$250.00 sebulan tertakluk kepada syarat-syarat di bawah ini: –
 - 10.1.1 Jurulatih dan pembantu jurulatih hendaklah sekurang-kurangnya mempunyai kelayakan dan pengalaman yang diiktiraf oleh Persatuan Sukan Kebangsaan. Perlantikan hendaklah dibuat oleh Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan selepas berunding dengan Persatuan Kebangsaan yang berkenaan.
 - 10.1.2 Jurulatih/pembantu jurulatih hendaklah sekurang-kurangnya bertugas tiga jam sehari dan tidak kurang 20 hari sebulan.

10.2 Bertugas Di luar Negeri

Jurulatih/pembantu jurulatih tempatan yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan Kerajaan yang dihantar keluar negeri bagi mengiringi pasukan yang mewakili negara, atau menghadiri kursus/latihan/persidangan dan sebagainya yang dibenarkan oleh Kerajaan akan mendapat kemudahan seperti yang diberi kepada atlit sebagaimana yang disebutkan dalam perenggan 9.2 (kadar bagi pegawai Kerajaan adalah mengikut kelayakan masing-masing).

10.3 Cuti Tanpa Catat

Kemudahan cuti tanpa catat ini juga diberi kepada jurulatih/pembantu jurulatih seperti yang disebutkan dalam perenggan 9.1.

11. PENGGALAKAN KEPADA PEMIMPIN/PEGAWAI PERSATUAN SUKAN KEBANGSAAN

- 11.1 Pemimpin/pegawai Persatuan Sukan Kebangsaan yang dimandatkan oleh persatuannya menghadiri persidangan, seminar, kursus dan sebagainya yang dianjurkan oleh badan sukan antarabangsa dan diwajibkan mengikut peraturan kejohanan adalah layak dipertimbangkan beberapa galakan seperti yang diberi kepada atlit sepertimana disebutkan dalam perenggan 9.2.
- 11.2 Cuti tanpa catat juga diberi kepada pemimpin/pegawai Persatuan Sukan Kebangsaan sepertimana peraturan untuk atlit yang disebutkan dalam perenggan 9.1.
- 11.3 Perkara cuti dan kehilangan pendapatan bagi pemimpin/pegawai sukan termasuklah yang bukan pegawai Kerajaan dan Swasta akan diuruskan dengan majikan mereka melalui Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan. Kerajaan juga akan mempertimbangkan bagi menampung sebahagian daripada gaji pokoknya yang dipotong oleh majikan kerana menjalankan tugas atau memenuhi kehendak yang disebutkan dalam perenggan 11.1.

12. GANJARAN KEMENANGAN

Sebahagian daripada 'Skim Penggalak Kecemerlangan Sukan' (SPKS) ialah ganjaran (hadiah) kemenangan, yang merupakan hadiah wang kerana memperolehi kemenangan pingat dan memecah rekod kejohanan di peringkat antarabangsa. Ganjaran ini ialah untuk atlit bagi Sukan Individu dan Sukan Berpasukan. Ganjaran kemenangan juga disediakan untuk Murid Sekolah, Jurulatih, Pembantu Jurulatih dan Persatuan Sukan Kebangsaan.

12.1 Ganjaran kemenangan untuk atlit

Ganjaran kemenangan dibahagikan kepada tiga kumpulan iaitu: –

- 12.1.1 **Kumpulan A1**
Kemenangan di peringkat dunia yang setaraf dengan kejohanan Sukan Olimpik.
- 12.1.2 **Kumpulan A2**
Kemenangan di kejohanan sukan yang setaraf dunia seperti 'World Championship'.
- 12.1.3 **Kumpulan B1**
Kemenangan di peringkat Asia atau Komanwel yang setaraf dengan kejohanan Sukan Asia atau Sukan Komanwel.
- 12.1.4 **Kumpulan B2**
Kemenangan di kejohanan peringkat Asia atau Komanwel seperti Sukan Islamic Solidarity Games.
- 12.1.5 **Kumpulan C1**
Kemenangan di peringkat Asia Tenggara yang setaraf dengan kejohanan Sukan SEA.
- 12.1.6 **Kumpulan C2**
Kemenangan di kejohanan sukan yang setaraf ASEAN seperti Pesta Sukan Merdeka.

12.2 Nilai Ganjaran

Nilai ganjaran dalam bentuk wang tunai untuk atlit adalah seperti berikut: –

12.2.1 Sukan Individu

Kumpulan	Emas \$	Perak \$	Gangsa \$
A1 (Olimpik)	80,000	40,000	20,000
A2 (Peringkat Dunia)	40,000	20,000	10,000
B1 (Komanwel/Asia)	15,000	8,000	5,000
B2 (Peringkat Asia/Komanwel Islamic Solidarity)	10,000	7,000	4,000
C1 (Sukan SEA)	5,000	3,000	2,000
C2 (Peringkat ASEAN)	3,000	2,000	1,000

12.2.2 Sukan Berpasukan

a) Pasukan 5 orang ke bawah

Kumpulan	Emas \$	Perak \$	Gangsa \$
A1 (Olimpik)	80,000	40,000	20,000
A2 (Peringkat Dunia)	40,000	20,000	10,000
B1 (Komanwel/Asia)	6,000	4,000	2,500
B2 (Peringkat Asia/Komanwel Islamic Solidarity)	4,000	3,000	2,000
C1 (Sukan SEA)	2,000	1,500	1,000
C2 (Peringkat ASEAN)	1,000	800	500

12.2.3 Sukan Berpasukan

a) Pasukan 6 orang ke bawah

Kumpulan	Emas \$	Perak \$	Gangsa \$
A1 (Olimpik)	15,000	8,000	4,000
A2 (Peringkat Dunia)	7,000	4,000	2,000
B1 (Komanwel/Asia)	4,000	2,000	1,000
B2 (Peringkat Asia/Komanwel Islamic Solidarity)	3,000	1,500	800
C1 (Sukan SEA)	1,000	800	500
C2 (Peringkat ASEAN)	800	500	300

(hadiah untuk seorang)

12.2.4 Hadiah Pemenang Rekod Baru

Atlit-atlit yang mewakili negara dalam Kejohanan Kebangsaan/Antarabangsa yang diiktirafkan oleh Jawatankuasa Skim Penggalak Kecemerlangan Sukan yang memenangi pingat emas serta mencapai rekod baru akan diberi ganjaran kemenangan mengikut kumpulan sukan dan jumlah seperti berikut: –

Kumpulan	Sukan Individu Event Individu \$	Sukan Berpasukan Event Pasukan \$
A1 (Olimpik)	10,000	5,000
A2 (Peringkat Dunia)	5,000	3,000
B1 (Komanwel/Asia)	3,000	1,500
B2 (Peringkat Asia/Komanwel Islamic Solidarity)	2,000	1,000

C1 (Sukan SEA)	1,500	1,000
C2 (Peringkat ASEAN)	500	300

12.3 Senarai Kejohanan (Lihat Lampiran A)

Kejohanan-kejohanan mengikut kumpulan-kumpulan A-C disenaraikan dalam lampiran 'A'. Ia hanya merupakan sebagai panduan kerana Jawatankuasa Skim Penggalak Kecemerlangan Sukan membuat keputusan muktamad selepas mempertimbangkan tiap-tiap satu 'case' mengikut kebaikannya. Antara faktor-faktor yang diberi perhatian ialah status kejohanan bilangan pasukan/negara, cara pemilihan sesuatu pasukan itu mewakili negara, 'Popularity' sukan itu di negara berkenaan dan sebagainya.

12.4 Ganjaran Kemenangan Kepada Jurulatih

- 12.4.1 Adalah wajar juga supaya satu ganjaran dikeluarkan kepada jurulatih yang bertanggungjawab 'membantu' ke arah kemenangan atlit di bawah latihan dan kelolaan mereka.
- 12.4.2 Skim ini akan mengeluarkan kepada jurulatih satu jumlah wang yang dikira mengikut kadar 20 peratus ganjaran kemenangan untuk atlit tersebut dalam perenggan 12.2.
- 12.4.3 Jumlah wang yang dikira mengikut kadar 20 peratus ganjaran kemenangan untuk atlit yang memecah rekod seperti yang tersebut dalam perenggan 12.2.4 akan diberikan kepada jurulatih.
- 12.4.4 Adalah menjadi tanggungjawab Persatuan Sukan Kebangsaan menetapkan jurulatih yang bertanggungjawab akan latihan seseorang atlit itu dan menyampaikan nama jurulatih berkenaan sebelum satu-satu kejohanan berlaku kepada Sekretariat Jawatankuasa Skim Penggalak Kecemerlangan Sukan.
- 12.4.5 Jumlah wang yang dikira mengikut kadar 5 peratus nilai ganjaran kemenangan untuk atlit seperti yang tersebut dalam perenggan 12.2 akan diberi kepada penolong jurulatih yang berkenaan.

12.5 Ganjaran Kemenangan Kepada Murid-Murid Sekolah (Peringkat ASEAN)

Skim Penggalak Kecemerlangan Sukan memperuntukkan ganjaran wang tunai kepada murid-murid sekolah yang memenangi pingat dan memecah rekod di pertandingan anjuran Majlis Sukan Sekolah-Sekolah ASEAN dan bolasepak peringkat ASIA seperti berikut: –

12.5.1 Sukan Individu

Emas \$	Perak \$	Gangsa \$
1,500	1,000	500

12.5.2 Sukan Berpasukan
(5 orang ke bawah)

Emas \$	Perak \$	Gangsa \$
1,500	1,000	500

(dibahagikan antara bilangan atlit)

12.5.3 Sukan Berpasukan
(6 orang ke atas)

400	300	200
-----	-----	-----

(untuk seorang)

12.5.4 Ganjaran Memecah Rekod Kejohanan

Event Individu \$500.00	Event Pasukan \$300.00 (seorang)
----------------------------	-------------------------------------

12.5.5 Untuk memperolehi ganjaran di atas adalah disyaratkan sekurang-kurangnya 4 buah pasukan negara-negara anggota mengambil bahagian dalam sesuatu pertandingan/kejohanan.

12.6 Ganjaran Kemenangan Kepada Persatuan Sukan Kebangsaan

12.6.1 Memandangkan bahawa Persatuan Sukan Kebangsaan ada mempunyai peranan ke arah membawa kemenangan bagi atlit di pertandingan antarabangsa dan sebagai galakan kepada persatuan, maka Skim Penggalak Kecemerlangan Sukan menyediakan satu peruntukan bagi maksud ini.

12.6.2 Persatuan Sukan Kebangsaan akan mendapat satu jumlah wang sebanyak yang dikira mengikut kadar 20 peratus ganjaran kemenangan yang disediakan untuk atlit seperti yang tersebut dalam perenggan 12.2 yang akan menjadi sebahagian daripada saham pertubuhan/yayasan tertentu.

13. ANUGERAH SUKAN NEGARA

13.1 Skim Penggalak Kecemerlangan Sukan memperuntukkan satu penggalak kepada atlit elit, pegawai, termasuk jurulatih, pemimpin sukan dan pemimpin masyarakat yang menyumbangkan jasa dan khidmat terpuji kepada pembangunan dan kemajuan sukan negara. Penggalak ini yang diberi nama "Anugerah Sukan Negara" juga merupakan satu penghargaan negara kepada mereka.

13.2 Sebagai permulaan, 5 jenis anugerah akan diwujudkan, iaitu: –

- 13.2.1 Anugerah Tokoh Sukan Negara
- 13.2.2 Anugerah Kepimpinan Sukan
- 13.2.3 Anugerah Atlit Kebangsaan
- 13.2.4 Anugerah Pasukan Terbaik Kebangsaan
- 13.2.5 Anugerah Atlit Remaja Kebangsaan

13.3 Kriteria Anugerah

13.3.1 Anugerah Tokoh Sukan Negara

Anugerah ini dikurniakan kepada seseorang dari golongan kenamaan yang sentiasa menjadi sumber inspirasi yang terpuji kepada pembangunan dan kemajuan sukan bagi seluruh rakyat.

13.3.2 Anugerah Kepimpinan Sukan

Anugerah ini dikurniakan kepada seseorang atau pertubuhan sukan atau mana-mana pertubuhan yang memberi kepimpinan dan sumbangan khidmat bakti yang cemerlang kepada pembangunan dan kemajuan sukan negara atau antarabangsa.

13.3.3 Anugerah Atlit Kebangsaan

Anugerah ini dikahaskan kepada atlit kebangsaan lelaki dan wanita yang mencapai kejayaan yang cemerlang dan yang menunjukkan tahap prestasi yang berkekalan (consistency) di kejohanan sukan kebangsaan dan antarabangsa dengan kejayaan berkenaan mengharumkan nama negara dan berasaskan kepada pencapaian tahun tertentu.

13.3.4 Anugerah Pasukan Terbaik

Anugerah ini dikeluarkan kepada pasukan yang mencapai kejayaan yang cemerlang dan yang menunjukkan tahap prestasi yang berkekalan (consistency) di kejohanan kebangsaan dan antarabangsa. Ia dibahagikan kepada pasukan lelaki dan pasukan wanita berasaskan kepada pencapaian dalam tahun berkenaan.

13.3.5 Anugerah Atlit Remaja

Anugerah ini diperuntukan kepada murid-murid sekolah yang mencapai prestasi yang tinggi di kalangan sukan kebangsaan atau antarabangsa (Sukan Sekolah-Sekolah ASEAN atau sukan kumpulan umur (age-group) bagi lelaki dan wanita. Anugerah berasaskan pencapaian dalam tahun yang berkenaan.

13.4 Hadiah 'Anugerah' adalah seperti berikut: –

	Tropi/Sijil	Hadiah Lain
13.4.1 Anugerah Tokoh Sukan Negara	Ya	Tiada
13.4.2 Anugerah Kepimpinan Sukan	Ya	Tiada
13.4.3 Anugerah Atlit Kebangsaan (lelaki dan wanita)	Ya	Tambang menunaikan fardu Haji

	Tropi/Sijil	Hadiah Lain
13.4.4 Anugerah Pasukan Terbaik (5 orang ke bawah)	Ya	\$1,000 (L) seorang \$1,000 (W) seorang
13.4.5 Anugerah Atlit Remaja Kebangsaan	Ya	\$1,000 (L) \$1,000 (W)

PERINGATAN: Hadiah wang ini akan digunakan untuk membeli saham daripada pertubuhan/yayasan tertentu.

13.5 **Kekerapan Anugerah**

- 13.5.1 Pemilihan untuk Anugerah Tokoh Sukan Negara dan Anugerah Kepimpinan Sukan tidak ditetapkan untuk mana-mana tempoh. Oleh yang demikian ia tidak semestinya dipilih tiap-tiap tahun.
- 13.5.2 Anugerah-anugerah lain seperti yang disebutkan dalam perenggan 13.2 ialah untuk tahun yang berkenaan. Kemungkinan juga, Jawatankuasa tidak akan mengeluarkan anugerah jika didapati tidak di calon yang layak mengikut asas-asas pencalonan.

13.6 **Jawatankuasa Pemilihan**

Sebuah Jawatankuasa Pemilihan ditubuhkan dan ahli-ahli yang dilantik untuk tempoh selama dua tahun (boleh dilantik semula) oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan adalah seperti berikut: –

- i) Pengerusi: Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- ii) Timbalan Pengerusi: Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- iii) Seorang wakil Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan/Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan;
- iv) Seorang wakil Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam;
- v) Pengarah Jabatan Penyiaran dan Penerangan;
- vi) Seorang wakil daripada kalangan media mass, bercetak; dan
- vii) Dua orang daripada kalangan Swasta/Pertubuhan Kebudayaan/Belia/Dewan Perniagaan.

13.7 **Tugas/Kuasa Jawatankuasa Pemilihan**

- 13.7.1 Menetapkan tarikh dan menganjurkan upacara Anugerah Sukan Negara selepas berunding dengan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- 13.7.2 Menyediakan peraturan-peraturan pencalonan.
- 13.7.3 Menerima, menilai dan memilih calon-calon bagi anugerah.

- 13.7.4 Sentiasa mengikuti perkembangan sukan dalam dan luar negeri.
- 13.7.5 Membuat interpretasi apabila timbul kemuskilan berkenaan dengan peraturan-peraturan anugerah dan mengesyorkan peraturan-peraturan yang baru kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- 13.7.6 Keputusan Jawatankuasa adalah muktamad. Asas-asas penilaian dan pemilihan tidak boleh dipertikaikan segala 'diberation' Jawatankuasa adalah RAHSIA.

13.8 Sekretariat

Sebuah Sekretariat khas untuk Anugerah Sukan Negara ditubuhkan sebagai sebahagian Sekretariat Skim Penggalak Kecemerlangan Sukan yang bertanggungjawab kepada Jawatankuasa Anugerah Sukan Negara.

14. PENGGALAKAN UNTUK SUKAN ORANG-ORANG CACAT

Selaras dengan dasar sukan negara yang menggalakkan orang-orang cacat menjalankan aktiviti sukan dan peningkatan mutu sukan berbagai-bagai disiplin melalui penyertaan ke arah kecemerlangan maka diwujudkan juga penggalakan kepada Sukan Orang-Orang Cacat.

- 14.1 Penggalakan ini yang diselenggarakan oleh Bahagian Kebajikan di Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan dengan kerjasama Persatuan Sukan Orang-Orang Cacat Kebangsaan meliputi:
 - 14.1.1 Bantuan untuk atlit elit yang tertentu untuk menjalani latihan supaya mengekalkan atau memperbaiki lagi prestasinya dalam kejohanan antarabangsa.
 - 14.1.2 Bantuan untuk latihan kepada atlit elit bagi menghadapi kejohanan antarabangsa yang tertentu.
 - 14.1.3 Hadiah kemenangan di dalam kejohanan antarabangsa yang tertentu.
- 14.2 **Beberapa kejohanan antarabangsa yang dikenal pasti, di antaranya ialah: –**
 - 14.2.1 Paralympic – Sukan Olimpik Orang-orang Cacat yang diadakan 4 tahun sekali.
 - 14.2.2 World Championships.
 - 14.2.3 Far Eastern/South Pacific Games (FESPIC).
 - 14.2.4 Sukan Kebangsaan Negara-Negara tertentu.
- 14.3 Quantum hadiah kemenangan ini berdasarkan kepada beberapa faktor yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Skim Penggalak Kecemerlangan Sukan. Seperti taraf kejohanan, penyertaan dan sebagainya.

15. PENGALAKAN LAIN

15.1 Perlindungan Insurans

Skim Penggalak Kecemerlangan Sukan akan mengwujudkan satu skim perlindungan insurans untuk atlit, jurulatih, pegawai dan pemimpin sukan waktu menjalani latihan dan menyertai pertandingan di dalam dan di luar negeri, termasuk perlindungan perjalanan ke tempat-tempat latihan dan pertandingan. Antara tujuan skim ini ialah untuk menggalakan penyertaan yang lebih luas dan memberi keselesaan dan ketenangan kepada atlit dan lain yang menyertai berbagai-bagai program sukan yang tertentu. Butir-butir, peraturan-peraturan dan syarat-syarat berhubung dengan skim ini sedang disediakan.

15.2 Biasiswa Untuk Melanjutkan Pelajaran Tinggi di Luar Negeri.

Pelajar-pelajar atau atlit lain yang mempunyai rekod pencapaian yang cemerlang dalam sukan peringkat antarabangsa dan mempunyai potensi serta keinginan mempertingkatkan pencapaian mereka akan dipertimbangkan untuk memasuki skim biasiswa untuk melanjutkan pelajaran tinggi di dalam dan di luar negeri. Antara syarat-syarat skim ini ialah (a) pemohon-pemohon itu mempunyai kelayakan akademik yang minima yang membolehkannya diterima masuk ke institusi-institusi berkenaan (b) institusi-institusi berkenaan mempunyai program latihan sukan tertentu sebagai sebahagian daripada kurikulum pengajiannya, dan (c) pelajar berkenaan akan meneruskan program akademik dan program sukannya. Butir-butir lengkap berhubung dengan skim ini akan disediakan.

15.3 Biasiswa/Dermasiswa Bayaran 'Tuition' Pelajar Sekolah dan Maktab

Pelajar-pelajar yang memasuki skim pembangunan bakat di sekolah yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan akan dihadiahkan biasiswa/dermasiswa, selain daripada bantuan yang diperolehi daripada skim itu, atau skim pembangunan sukan yang lain. Bantuan untuk bayaran kelas bimbingan (tuition) juga akan dikeluarkan, kepada pelajar yang berkenaan.

15.4 Pengecualian Cukai ke Atas Peralatan Sukan

Untuk menggalakkan penyertaan masyarakat dalam sukan dan rekreasi dan mengurangkan bebanan kepada mereka yang hendak mencapai kecemerlangan, peraturan akan diwujudkan untuk membolehkan pengecualian cukai ataupun cukai yang minima ke atas peralatan sukan dan sebagainya. Butir-butir dan peraturan lanjut berhubung dengan perkara ini akan disediakan.

15.5 Pencapaian Cemerlang Untuk Rekod Perkhidmatan

Pencapaian yang cemerlang di peringkat antarabangsa oleh seseorang atlit yang berkhidmat dengan Kerajaan akan diberi penghargaan melalui catatan dalam rekod perkhidmatan pegawai berkenaan. Catatan ini akan menjadi satu-satu faktor yang diambil kira sama ada untuk pertimbangan naik pangkat atau kemajuan perkhidmatan 'career' (mengakui bahawa syarat-syarat lain mencukupi).

Pihak swasta akan diminta berbuat demikian kepada kakitangan organisasi mereka.

15.6 Kurniaan Bintang Kehormatan Kerajaan

Pemenang berbagai jenis anugerah sukan negara seperti dalam perenggan 13.2 boleh dipertimbangkan untuk mendapat kurnia bintang kehormatan Kerajaan tertakluk kepada syarat-syarat pengurniaan yang lazim.

Jenis-Jenis Penggalakan Lain

Skim Penggalak Kecemerlangan Sukan (SPKS) memperuntukkan beberapa jenis penggalakan yang lain seperti di bawah. Butir-butir keterangan lanjut bagi beberapa jenis penggalak adalah diterbitkan dalam bentuk risalah yang seperti ini: –

1. Penggalakan kepada sektor “Sukan Untuk Masyarakat”;
2. Penggalakan untuk Atlit Elit dan yang Berpotensi (terutama untuk mempertingkatkan latihan jangka panjang;
3. Penggalakan untuk Persatuan, Pemimpin, Pegawai dan Jurulatih Sukan;
4. Penggalakan untuk Sukan Orang-Orang Cacat;
5. Perlindungan Insurans;
6. Biasiswa/Dermasiswa dan Bayaran Tuition; dan
7. Anugerah Sukan Negara.

16. JAWATANKUASA SKIM PENGGALAK KECEMERLANGAN SUKAN (SPKS)

16.1 Sebuah Jawatankuasa Skim Penggalak Kecemerlangan Sukan akan dilantik oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan seperti berikut: –

- i) Pengerusi: Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan;
- ii) Timbalan Pengerusi: Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan;
- iii) Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri;
- iv) Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan;
- v) Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan;
- vi) Pengarah Perjawatan;
- vii) Seorang wakil yang dinamakan oleh Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam;

- viii) Seorang wakil yang dinamakan oleh Majlis Belia Brunei Darussalam;
- ix) 2 orang perseorangan yang pada pendapat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan boleh memberi sumbangan terhadap Perkembangan Sukan; dan
- x) Pengarah, Belia dan Sukan selaku Setiausaha Skim Penggalak Kecemerlangan Sukan.

16.2 Tugas Jawatankuasa

- 16.2.1 Menimbang dan meluluskan permohonan yang diproses dan diperakukan oleh Sekretariat (Bahagian Sukan Jabatan Belia dan Sukan).
- 16.2.2 Mengkaji dan menilai kemajuan pelaksanaan skim dari masa ke semasa dan membuat perakuan kepada Menteri untuk kelulusan.

**Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

SEPTEMBER 1991.

**(*) HADIAH KEMENANGAN
SENARAI KEJOHANAN ANTARABANGSA**

LAMPIRAN 'A'

BIL.	SUKAN	DUNIA	KAT	ASIA	KAT	SEA	KAT
1.	ANGKAT BERAT	1. SUKAN OLIMPIK 2. WORLD C'SHIPS	A1 A2	1. SUKAN ASIA/KOMANWEL 2. KEJ. ANGKAT BERAT ASIA	B1 B1	1. SUKAN SEA 1. SUKAN SEA	C1
2.	BADMINTON	1. SUKAN OLIMPIK (1992) 2. WORLD C'SHIPS 3. PIALA THOMAS/UBER	A1 A1 A1	1. SUKAN ASIA/KOMANWEL 2. ABC ASIAN C'SHIPS	B1 B1	1. SUKAN SEA	C1
3.	BINA BADAN	1. WORLD C'SHIPS	A2	1. SUKAN ASIA 2. ASIAN C'SHIPS	B1 B1	1. SUKAN SEA 2. ASEAN C'SHIPS	C1 C2
4.	BOLA JARING	1. SUKAN OLIMPIK 2. KEJ. DUNIA	A1 A1	1. SUKAN ASIA 2. ABC C'SHIPS	B1 B1	1. SUKAN SEA	C1

BIL.	SUKAN	DUNIA	KAT	ASIA	KAT	SEA	KAT
5.	BOLA KERANJANG	1. SUKAN OLIMPIK 2. KEJ. DUNIA	A1 A1	1. SUKAN ASIA 2. ABC CHAMPIONSHIPS	B1 B1	1. SUKAN SEA	C1 C1
6.	BOLASEPAK (LELAKI)	1. SUKAN OLIMPIK 2. PIALA DUNIA	A1 A1	1. SUKAN ASIA 2. PIALA ASIA	B1 B1	1. SUKAN SEA	C1
7.	BOLASEPAK (WANITA)	1. PIALA DUNIA	A2	1. PIALA ASIA	B2		
8.	BOLA TAMPAR	1. SUKAN OLIMPIK	A1	1. SUKAN ASIA 2. ASIAN CHAMPIONSHIPS	B1 B1	1. SUKAN SEA	C1
9.	BOWLING	1. FIQ DUNIA 2. AMF WORLD CUP	A1 A2	1. SUKAN ASIA/KOMANWEL 2. FIQ ASIAN ZONE	B1 B2	1. SUKAN SEA	C1
10.	GIMNASTIK	1. SUKAN OLIMPIK 2. WORLD C'SHIPS	A1 A1	1. SUKAN ASIA/KOMANWEL	B1	1. SUKAN SEA	C1

11.	GOLF	WORLD AMATEUR CHAMPIONSHIP 1. EISENHOWER (L) 2. ESPIRASANTO (P)	 A2 A2	1. SUKAN ASIA 2. NAMURA CUP 3. SIRKIT CUP (P) 4. PUTRA CUP	B1 B2 B2 B2	1. SUKAN SEA	C1
12.	HOKI LELAKI	1. SUKAN OLIMPIK 2. PIALA DUNIA	A1 A1	1. SUKAN ASIA 2. PIALA ASIA	B1 B1	1. SUKAN SEA	
13.	HOKI WANITA	1. SUKAN OLIMPIK 2. PIALA DUNIA	A1	1. SUKAN ASIA 2. PIALA ASIA	B1	1. SUKAN SEA	C1
14.	JUDO	1. SUKAN OLIMPIK 2. WORLD C'SHIPS	A1 A2	1. SUKAN ASIA/KOMANWEL	B1	1. SUKAN SEA	C1
15.	KAPAL LAYAR	1. SUKAN OLIMPIK	A1	1. SUKAN ASIA	B1	1. SUKAN SEA	C1
16.	KARATE – DO	1. KEJ. DUNIA (WUKO)	A2	1. ASIAN PACIFIC C'SHIPS	B2	1. SUKAN SEA	C1

BIL.	SUKAN	DUNIA	KAT	ASIA	KAT	SEA	KAT
17.	KRIKET	1. PIALA DUNIA ICC	A1	1. PIALA MINI WORLD CUP ICC TROPHY	B2		
18.	LAWAN PEDANG	1. SUKAN OLIMPIK 2. WORLD C'SHIPS	A1 A2	1. SUKAN ASIA/KOMANWEL	B1	1. SUKAN SEA	C1
19.	LUMBA BASIKAL	1. SUKAN OLIMPIK 2. WORLD C'SHIPS	A1 A1	1. SUKAN ASIA/KOMANWEL 2. ASIAN C'SHIPS	B1 B1	1. SUKAN SEA 2. ASEAN C'SHIPS	C2 C1
20.	MEMANAH	1. SUKAN OLIMPIK 2. WORLD ARCHERY C'SHIPS	A1 A2	1. SUKAN ASIA/KOMANWEL 2. ASIAN CUP	B1 B2	1. SUKAN SEA	C1
21.	MENEMBAK	1. SUKAN OLIMPIK 2. WORLD CUP	A1 A2	1. SUKAN ASIA/KOMANWEL 2. ASIAN SHOOTING C'SHIPS	B1 B2	1. SUKAN SEA	C1
22.	OLAHRAGA	1. SUKAN OLIMPIK 2. WORLD ATHLETIC C'SHIPS	A1 A1	1. SUKAN ASIA/KOMANWEL 2. ASIAN TRACK AND FIELD	B1 B1	1. SUKAN SEA	C1

23.	PING PONG	1. SUKAN OLIMPIK 2. WORLD ATHLETIC C'SHIPS	A1 A1	1. SUKAN ASIA/KOMANWEL 2. ASIAN TRACK AND FIELD	B1 B1	1. SUKAN SEA	C1
24.	RAGBI			1. ASIAN RUGBY C'SHIPS (ARFU)	B1		
25.	RENANG	1. SUKAN OLIMPIK 2. KEJ. DUNIA (WORLD C'SHIPS)	A1 A1	1. SUKAN ASIA/KOMANWEL 2. ASIAN C'SHIPS	B1 B1	1. SUKAN SEA	C1
26.	SEPAK TAKRAW			1. ASTAF – DEWASA	B1	1. SUKAN SEA	C1
27.	SILAT OLAHRAGA					1. SUKAN SEA	C1
28.	SNOOKER					1. SUKAN SEA	C1
29.	SOFBOL			1. KEJ. ASIA	B2	1. SUKAN SEA 2. ASEAN C'SHIPS	C1 C2

BIL.	SUKAN	DUNIA	KAT	ASIA	KAT	SEA	KAT
30.	TAEKWONDO (WTF)	1. SUKAN OLIMPIK 2. WORLD C'SHIPS	A1	1. SUKAN ASIA 2. ASIAN C'SHIPS	B1 B2	1. SUKAN SEA	C1
31.	TENIS	1. PIALA DAVIS 2. FEDERATION CUP	A1 A1	1. SUKAN ASIA	B1	1. SUKAN SEA	C1
32.	SQUASH	1. WORLD C'SHIPS	A1 A1	1. ASIAN C'SHIPS INDIVIDUAL/OPEN i) MEN ii) WOMEN 2. ASIAN C'SHIPS (TEAM)	B1 B1	1. EAST ASIAN C'SHIPS a) INDIVIDUAL 2. EAST ASIAN C'SHIPS b) TEAM	C1 C1
33.	SILAT OLAHRAGA	1. WORLD SILAT C'SHIPS	A2			1. SUKAN SEA 2. PESTA SUKAN MERDEKA	C1 C2

34.	LUMBA PERAHU					1. SUKAN SEA 2. PESTA SUKAN MERDEKA	C1 C2
35.	EQUESTRIAN	1. SUKAN OLIMPIK	A1	1. SUKAN ASIA 2. ASIAN C'SHIPS	B1	1. SUKAN SEA	C1

* Senarai dengan ihsan Majlis Sukan Negara Malaysia.

